


Info




Kejayaan Jobs

Nama Steve Jobs tersenarai dalam 338 paten AS sama ada menjadi pencipta tunggal atau pencipta bersama produk berkaitan komputer, aplikasi, peranti mudah alih dan lain-lain.

1 Ketika menghadiri mesyuarat tahunan pemegang saham Apple 1984, Jobs memperkenalkan Macintosh, sebuah komputer kecil dengan penggunaan sistem antara muka bergrafik (contohnya ikon grafik elektronik seperti pemain MP3 dan pemacu). Macintosh menggunakan kawalan tetikus Xerox PARC.



JOB (kiri) dan Wozniak (kanan) sewaktu memperkenalkan salah satu produk ciptaan mereka pada tahun 1984.



◀ mun, jodoh Jobs bersama Apple Inc. tidak bertahan lama.

Gara-gara tidak berpuas hati dengan lembaga pengarah, akhirnya dia mengambil keputusan meninggalkan Apple Inc., lantas membuka syarikat sendiri, NeXT pada tahun 1986.

“Firma NeXT lebih fokus pada pembangunan perisian untuk komputer. Kami turut memainkan peranan utama pada pembentukan e-mel dan jaringan sejagat (WWW),” ulas Jobs yang kemudian dilantik semula menjadi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Apple Inc., selepas syarikat tersebut membeli NeXT yang hanya beroperasi selama sedekad.

Sebahagian



JOB (kanan) bersama Stephen Wozniak membuka syarikat Apple Inc. pada 1 April 1976.

KIRI: Jobs akan menjadi legasi yang tidak mungkin dilupakan dalam sejarah Apple.

kosmo 7/10/2011 23.

nyifatkan jenama Apple Inc., terus kukuh sehingga kini meskipun hampir bankrap pada tahun 1990, disebabkan kebijaksanaan dan etika kerja yang dipamerkan Jobs.

Perkara itu diakui oleh pakar teknologi komunikasi maklumat (ICT) dan Ketua Pegawai Eksekutif Dapat Vista Sdn. Bhd., Azli Paat, yang menyatakan bapa kepada empat cahaya mata itu seorang yang berdisiplin, kreatif dan berwawasan tinggi.

Jelas Azli, Jobs bijak mencipta telefon pintar iPhone dan komputer tablet iPad, yang ideal dengan perkembangan teknologi serta trend semasa.

Fenomena iPhone

Buktinya, kemunculan telefon pintar iPhone pada empat tahun lalu telah mencipta fenomena luar biasa di seluruh dunia. Banyak desin dan perambanan iPhone

Info



Jobs

■ Steven Paul Jobs lahir pada 24 Februari 1955 berusia 56 tahun semasa meninggal dunia iaitu pada 5 Oktober 2011.

■ Beliau ialah usahawan komputer dan pengasas pelbagai perisian.

■ Beliau juga Pengasas Bersama, Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Apple Inc.

■ Beliau pernah bertugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di Studio

2 Pada tahun 1985, Jobs menubuhkan syarikat pengkomputeran, NeXT Inc. yang mengeluarkan komputer peribadi.

3 Selepas pembelian NeXT Inc. oleh Apple dengan kepulangan semula Jobs ke syarikat tersebut, pada tahun 1996, Apple telah memperkenalkan perisian Mac OS X yang menggunakan siri program unix dengan antara muka bergrafik.

4 Pada tahun 1998, Syarikat Apple memperkenalkan siri pertama komputer peribadi iMac dan mula menggunakan awalan 'i' yang membawa maksud Internet atau individual bagi setiap produk mereka.

5 iPod pula diperkenalkan pada tahun 2001 dengan menjadikan pemacu penyimpanan data sebagai pemain media seperti lagi. iTunes pula diperkenalkan pada tahun 2003 supaya pengguna iPod mudah untuk memuat turun lagu.

6 Tanggal 29 Jun 2007, Apple melangkah ke alam selular dengan memperkenalkan iPhone iaitu sebuah telefon bimbit yang multimedia seperti permainan, GPS, navigasi selain ciri-ciri standard telefon dengan skrin sesentuh.

7 Fenomena tablet dimulakan Apple yang mengeluarkan iPad pada April 2010 sebelum keluar dengan versi keduanya pada tahun Mac 2011.



IT dan penganalisis ekonomi di serata negara me-

ne, iPhone 3G, iPhone 3GS sehingga iPhone 4, permintaan dan pembelian terhadap telefon itu amat menggalakkan sehingga mengatasi jualan produk telefon lain.

“Walaupun bukan mudah untuk mencipta telefon pintar ini tetapi, Apple sentiasa berusaha melakukan yang terbaik. Prinsip utama sebelum mencipta produk saya elak bertanyakan kehendak pengguna sebaliknya, lebih cenderung menghasilkan sesuatu bermanfaat untuk masa depan,” terang Jobs dalam satu temu bual.

Populariti penjualan iPhone dan iPad sekali gus menyenaraikan Apple Inc., sebagai syarikat kedua di dunia yang mencecah nilai melebihi AS\$300 bilion (RM912 bilion).

Malah, penganalisis Goldman Sachs, David Bailey, memberitahu setiap tahun penjualan iPhone khususnya memperlihatkan peningkatan yang drastik.

Biarpun telah meletakkan jawatan CEO Apple, pada bulan Ogos lalu tetapi, Jobs masih kekal sebagai pengerusi di syarikat berkenaan.

Ini disebabkan khidmat nasihat dan idea kreatif Jobs tetap diperlukan bagi memastikan keluaran produk terbaharu Apple, berkualiti dan terbaik.

Namun, kelmarin bukan sahaja Apple malah, seluruh dunia merasai kehilangan seorang genius yang juga dianggap ikon teknologi era baru.

JOBs merupakan tonggak utama kejayaan Apple Inc. dengan menghasilkan telefon pintar dan gajet berteknologi canggih.

seorang ahli lembaga pengarah The Walt Disney Company pada 2006.

■ Beliau menjadi pengarah eksekutif filem animasi *Toy Story* (1995).

■ Jobs hanya menerima gaji AS\$1 juta setahun selaku Ketua Pegawai Eksekutif Apple, tetapi mempunyai harta bernilai 5.426 unit juta saham dalam Apple, 138 unit juta saham di Disney.

■ Oleh itu, Forbes menjangkakan kekayaan Jobs mencecah AS\$8.3 bilion pada 2010, sekaligus menjadi warga AS ke-42 terkaya.

■ Pada 24 Ogos 2011, Jobs mengumumkan meletak jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Apple.

■ Beberapa jam selepas pengumuman Jobs meletak jawatan, saham Apple Inc. turun sebanyak 5 peratus menunjukkan kepentingan pengaruh Jobs.

■ Ia juga dikaitkan dengan kesihatan Jobs yang menjadi bahan media sejak sekian lama khususnya apabila beliau berapa dalam cuti sakit yang panjang.

■ Seperti mana permintaan Jobs, beliau diterima sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Apple.

■ Pada 5 Oktober 2011, Apple mengumumkan Jobs meninggal dunia, pada hari yang sama beliau melancarkan model iPhone 4S.

KINI selain iPhone pengguna turut berpeluang melayari Internet menerusi komputer tablet skrin sesentuh iPad.



Menjadi pengasas bersama kepada Apple, Jobs menyaksikan jatuh bangun syarikat itu yang kini akhirnya dikagumi dunia dengan inovasi Mac, iPod, iPhone dan iPad. Kelmarin Jobs meninggal dunia pada usia 56 tahun akibat kanser pankreas.

Jobs ikon teknologi era baharu

KOSMO 7/10/2011 22.

REAKSI Jobs sewaktu melancarkan iPhone 4 Februari lalu.

Susunan IZYAN LIYANA
MOHD. DARIF
izyanliyana.darif@kosmo.com.my

TANGGAL 5 Oktober menjadi tarikh kepada kelahiran sebuah lagi gajet terbaru kebanggaan Apple apabila telefon pintar iPhone 4S dilancarkan di ibu pejabat firma Apple, Amerika Syarikat (AS).

Namun, ironinya tarikh itu akan diingati bukan sahaja oleh warga Apple bahkan seantero dunia, apabila ia adalah hari terakhir buat pengasas syarikat gergasi itu Steve Jobs. Lelaki berusia 56 tahun itu



Penglibatan dunia komputer

Menyusuri penglibatan Jobs dalam dunia komputer dan gajet, segala-galanya berpunca selepas perkenalannya bersama Stephen Wozniak atau Woz yang pintar dalam hal berkaitan komputer dan elektronik.

Persahabatan yang terjalin itu telah membawa Jobs menyertai Kelab Homebrew Computer pada tahun 1975 bersama Woz. Sepanjang melibatkan diri dalam kelab berkenaan, Jobs mendapati industri komputer mempunyai potensi terbaik untuk jangka masa panjang. Hasil

yang juga bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Apple, menghembus nafas terakhir ekoran sakit kanser pankreas yang dihadapinya. Jobs yang menghembuskan nafas terakhir di samping keluarga tercinta mengalami masalah kesihatan yang semakin merosot sejak bulan Februari tahun ini.

Dia bukan saja mengalami keguguran rambut yang melampau kesan daripada rawatan kemoterapi malah, berat badannya dikatakan merosot dari 79.37 kilogram (kg) kepada 59kg. Sebelum ini, Jobs juga pernah menjalani pembedahan hati pada dua tahun lalu selain membuang tumor pada tahun 2003.

"Dunia telah kehilangan insan yang sarat dengan visi dan kreativiti," luah Presiden AS, Barack Obama dalam kenyataan penghormatan buat mendiang Jobs.

Impian menjadi sami

Jobs yang dilahirkan di San Francisco, AS, merupakan anak kepada pasangan Joanne Simpson dan Ab-

RANGKAIAN kedai Apple Inc. di seluruh dunia dipenuhi foto dan jambangan bunga daripada orang ramai sebagai tanda penghormatan kepada mendiang Jobs.

dulfattah John Jandali berketurunan Arab Syria. Bagaimanapun dia tidak membesar bersama ibu bapa kandungnya, sebaliknya dibesarkan oleh keluarga angkat, Paul dan Clara Jobs di Silicon Valley, AS. Ia sebuah kawasan yang dikelilingi ladang aprikot.

Pencinta seluar jeans jenama Levi's itu pernah menuntut di Sekolah Menengah Cupertino di California, AS dan bersekolah di Sekolah Tinggi Homestead H.S di bandar yang sama. Kemudian, Jobs melanjutkan pengajian di Reed College, Portland, Oregon.

Namun, tempoh pengajiannya di kolej seni liberal berkenaan bertahan selama satu semester sahaja kerana Jobs mengambil keputusan mengembara ke India bagi mendalami ilmu agama Zen Buddhism bersama rakannya, Daniel Kottke.

Pada waktu itu, usia Jobs baru saja mencecah 19 tahun. Dalam memastikan proses kerohanian itu berjalan dengan sempurna, Jobs sanggup mengikuti amalan ritual keagamaan tersebut seperti mempraktikkan diet ketat dengan berpuasa dan menikmati makan buah saja.

"Secara tidak langsung, minat mendalam terhadap agama ini telah mendorong saya untuk menjadi sami di biara Jepun berbanding melibatkan diri dalam dunia komputer.

"Tetapi, guru saya, Kobun Chino telah menyedarkan saya bahawa anutan ini masih boleh diteruskan walaupun pada masa yang sama saya mengusahakan bisnes komputer," jelas Jobs yang kembali ke Silicon Valley pada tahun 1974 dengan membawa agama Buddha.

perbincangan yang dilakukan maka mereka berdua sepakat melancarkan syarikat Apple Inc. pada 1 April 1976.

"Nama Apple cukup ringkas dan simbolik. Ia sentiasa mengingatkan saya pada memori memetik buah epal pada musim panas," jelas Jobs yang memperoleh modal perniagaan sebanyak AS\$1,300 (RM3,963) iaitu hasil daripada menjual microbus iaitu salah satu komponen komputer, manakala Woz menjual kalkulator.

Walaupun berpejabat di dalam sebuah garaj dan fasa permulaan hanya menjual papan sirkit iaitu papan memegang salah satu komponen dalaman komputer, tetapi bisnes mereka berkembang baik selepas menjual komputer pertama Apple I yang bernilai AS\$666 (RM2,026).

Kemudian, diikuti pula dengan komputer Apple II dan rangkaian produk yang lain sehingga Apple Inc., mula menjual saham syarikat sekitar Disember tahun 1980. Na-